

ABSTRAK

AZMAN BIN MUDA, Haji Wan Abdullah bin Haji Wan Mohd. Amin (Tuk Syeikh Duyung) : Tokoh Agama Dan Birokrasi Negeri Terengganu.

Latihan Ilmiah : Kuala Lumpur, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, 1990.

Pemilihan tajuk seperti di atas dibuat berdasarkan keinginan penulis mengkaji ketokohan seorang ulama yang boleh dikatakan berpengaruh dari keturunan Pattani di Terengganu di abad ke-19. Penglibatan tokoh tersebut dalam bidang keilmuan dan pentadbiran telah mengajak penulis merenung kepada ketinggian dan kewibawaan ulama-ulama silam. Semoga ketokohan ulama ini menjadi contoh teladan kepada ulama-ulama mutakhir.

Masalah-masalah Kajian :

- a. Mengkaji riwayat hidup Tuk Syeikh Duyung dan asal-usul keturunan beliau.
- b. Mengkaji peranan dan sumbangan beliau kepada Negeri Terengganu.

Metodologi :

Dalam kajian ini penulis telah menggunakan metod penyelidikan perpustakaan dan metod penyelidikan lapangan. Dalam melaksanakan metod tersebut memerlukan kepada metod pengumpulan data dan metod penganalisaan data seperti yang dapat dilihat dalam bab III, khusus membicarakan

tentang penggunaan metod tersebut dalam menyiapkan latihan ilmiah ini.

Metod yang digunakan dalam pengumpulan data adalah seperti berikut;

- a. Metod Pensejarahan, menggunakan dokumen-dokumen berbentuk sejarah.
- b. Metod Dokumentasi, menggunakan data-data dari buku-buku dan dokumen, tetapi bukan berunsur sejarah.
- c. Metod Interview, dengan mengadakan wawancara dengan infomer dan respoden berdasarkan interview guide.
- c. Metod Observasi, iaitu melakukan pengamatan terhadap objek kajian.

Tiga metod telah digunakan dalam melakukan penganalisaan data.

Metod yang digunakan ialah;

- a. Metod deduktif, iaitu menghuraikan prinsip-prinsip umum kepada prinsip-prinsip khusus.
- b. Metod induktif, penulis menghuraikan prinsip khusus kepada prinsip umum.
- c. Metod komparatif, penulis membandingkan antara data-data yang diperolehi untuk dibuat kesimpulan.

Penyelesaian masalah:

- a. Penulis mendapati Tuk Syeikh Duyung merupakan ulama yang unggul dan banyak keistimewaan.
- b. Sumbangan beliau bukan sahaja di bidang keilmuan tetapi juga di bidang pentadbiran.

c. Beliau juga mempunyai asal-usul keturunan yang istimewa yang mempengaruhi dirinya. Kealiman dan keilmuan beliau diwarisi oleh anak-cucu beliau hingga sekarang.

Latihan Ilmiah ini penulis bahagikan kepada lima bab. Setiap bab mengandungi beberapa sub-bab. Bab-bab itu adalah seperti berikut;

- a. Dalam bab I, iaitu bab pendahuluan yang mengandungi latarbelakang masalah, pengertian tajuk dan perumusan masalah, tujuan penyelidikan, metodologi dan susunan penulisan.
- b. Bab II , iaitu bab landasan teori yang mengandungi tiga sub-bab, iaitu Negeri Terengganu dari sudut geografi, Islam di Terengganu dan kelaniran tokoh-tokoh ulama di Terengganu. Setiap sub-bab terdapat beberapa bab yang kecil pula.
- c. Bab III , iaitu bab metodologi yang dibicarakan secara khususnya, seperti metod pengumpulan data dan metod penganalisan data.
- d. Bab IV , iaitu bab penganalisan data yang mengandungi sub-bab seperti berikut; Riwayat hidup Tuk Syeikh Duyung dan Pearanan dan sumbangan Tuk Syeikh Duyung. Setiap sub-bab pula mengandungi beberapa bab kecil.
- e. Bab V , iaitu bab penutup yang mengandungi kesimpulan dan saranan.

Pada bahagian akhir penulis memuatkan bibliografi dan senarai respoden yang terlibat dalam wawancara dengan penulis. Di bahagian akhir penulis juga memuatkan beberapa lampiran .

Mudah-mudahan hasil dari Latihan Ilmiah ini dapat menjadi amal soleh yang berkekalan dan menambahkan lagi bilangan kajian ke atas ulama-ulama tempatan, khususnya di Terengganu.

Wassalam.